

**HONG LEONG SECURED CREDIT CARD WITH FIXED DEPOSIT TERMS & CONDITIONS**

Last updated on 23 April 2026

These Hong Leong Secured Credit Card with Fixed Deposit Terms and Conditions ("**T&Cs**") are to be read together with the Hong Leong Bank Berhad's (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") Cardholder Agreement ("**the Agreement**") and the HLB General Terms and Conditions of Accounts.

1. The Secured Credit Card is issued by HLB subject to a fixed deposit ("**FD**") pledged in favour of HLB by the Cardholder as collateral/security in lieu of income document submission.
2. For the purpose of these T&Cs:
  - (a) "**Card**" means any MasterCard and/or Visa Card issued by HLB under the categories of Classic, Gold or Platinum, such other categories which HLB may introduce or replace from time to time with prior notice and shall include cards issued in affiliation or in association with any third party and/or cards issued under any product or select names or reference, and where the context so requires, shall include a Supplementary Card;
  - (b) "**Cardholder**" means the individual named on the card to whom the Card is issued by HLB;
  - (c) "**Prescribed Credit Limit**" means the credit limit prescribed by HLB in respect of the Cardholder's purchases and Supplementary Cardholder's (where a Supplementary Card has been issued) purchases;
  - (d) "**Secured Credit Card**" includes any Card as well as a Supplementary Card;
  - (e) "**Supplementary Card**" means the additional MasterCard and/or Visa Card issued by HLB to such person(s) nominated by the principal Cardholder; and
  - (f) "**Supplementary Cardholder**" means the person nominated by the Cardholder as a Supplementary Cardholder to whom a Supplementary Card is issued by HLB.
3. In order to be eligible for the Secured Credit Card, the Cardholder shall open, place, maintain and pledge an FD with HLB as security based on the respective limits stated below:
  - (a) **Cardholder who is a Malaysian Citizen/Malaysia Permanent Resident:** A minimum amount of Ringgit Malaysia Two Thousand (RM2,000) up to a maximum amount of Ringgit Malaysia Fifty Thousand (RM50,000) in accordance with the Prescribed Credit Limit assigned to the Cardholder; or
  - (b) **Cardholder who is a Foreigner:** A minimum amount of Ringgit Malaysia Ten Thousand (RM10,000) up to a maximum amount of Ringgit Malaysia Fifty Thousand (RM50,000) in accordance with the Prescribed Credit Limit assigned to the Cardholder.
4. The FD amount pledged shall be based on the Prescribed Credit Limit assigned to the Cardholder at a ratio of 1:1.
5. The FD deposited for the Secured Credit Card must be in the sole name of the Cardholder. Any FD held jointly by the Cardholder with another third party or solely in the name of a third party are not acceptable security for the Secured Credit Card.

6. For the avoidance of doubt, the following FD plans are **NOT APPLICABLE** to the Secured Credit Card:
- (a) Flexi Fixed Deposit;
  - (b) Junior Fixed Deposit;
  - (c) Fixed Deposits placed for Malaysia My Second Home Programme (“**MM2H**”);
  - (d) Any Islamic Fixed Deposit;
  - (e) Any Minor/Trust Fixed Deposit Account;
  - (f) Fixed Deposits from another banking institution; and
  - (g) Fixed Deposit/e-Fixed Deposit pledged as existing collateral for other banking facility(ies).
7. The Cardholder agrees that:
- (a) the FD is to be held by HLB as security for the performance by the Cardholder of the Cardholder’s obligations under these T&Cs;
  - (b) the FD amount shall be maintained in such margin of security equivalent to Prescribed Credit Limit of the Secured Credit Card and the Cardholder shall further top up any additional sum as required by HLB for the FD amount in the event of an increased of the Prescribed Credit Limit of the Secured Credit Card;
  - (c) the Cardholder shall not withdraw or assign or transfer or create a trust in respect of the FD or otherwise enter into any arrangement with any person in relation to the FD whereby the whole or any part of any right or entitlement of the Cardholder in respect of the FD will be affected in any manner throughout the validity of the Secured Credit Card;
  - (d) HLB is entitled to the right of set-off and to utilise the FD whether wholly or partly to recover any amount due and credit balance outstanding of the Secured Credit Card owing by the Cardholder to HLB by providing a seven (7) days’ notice to the Cardholder before HLB exercises such right;
  - (e) the FD which has been pledged to HLB shall continue to be valid and binding for all purposes notwithstanding any bankruptcy, death, insanity, or otherwise and it is expressly declared any change as a result thereof shall not in any way affect the Cardholder’s liabilities and/or obligations created by these T&Cs and the Agreement in relation to any transaction whether past, present or future; and
  - (f) in addition to the right of set-off, other general lien or similar right to which HLB may be entitled in law, HLB may as and when required by giving seven (7) days’ notice to the Cardholder combine and consolidate all or any of the accounts of the Cardholder with HLB in the Cardholder’s name or to which the Cardholder is beneficially entitled and/or set-off any sum standing to the credit of any such account(s) and including any interest, dividend, profit or other payment accrued in respect of the Secured Credit Card, whether in Ringgit Malaysia (“**RM**”) or in any other currency which HLB may hold against any of the Cardholder’s liabilities under the Agreement to satisfy the Secured Credit Card’s amount and other money payable under these T&Cs. Where credit balance in any such accounts or any payments being made or money received

are not in RM or in any other mutually agreed currency, HLB is hereby irrevocably authorized to convert the same and for this purpose, the RM equivalent shall be determined by HLB at HLB's spot rate of exchange then prevailing and where no such rate is available, at the then prevailing spot rate of exchange quoted by a commercial bank selected and approved by HLB.

8. The Cardholder hereby represents and warrants that the Cardholder is the sole and beneficial owner of the FD and that the rights of the Cardholder are free from any mortgage or security agreement or security interest of any kind and the Cardholder irrevocably and unconditionally undertakes that during the continuance of these T&Cs, the Cardholder will not create, attempt to create or permit to subsist any such mortgage, security agreement or security interest on or over the FD or any part of it.
9. The FD pledged shall be available for withdrawal fourteen (14) business days after the Cardholder's Secured Credit Card is terminated/cancelled AND upon full settlement of the entire outstanding balance under the Secured Credit Card to the satisfaction of HLB, whichever is later.
10. HLB reserves the right to add, alter, modify, change or vary the terms and conditions contained herein, either in part or whole at HLB's discretion, by way of posting on HLB's Website or in any manner deemed suitable by HLB as and when required with prior notice to the Cardholder.
11. In addition to the terms stipulated above, the Cardholder agrees that the general terms and conditions in the Agreement and the HLB General Terms and Conditions of Accounts shall be read together with these T&Cs as an entire agreement. In the event of any discrepancies between these T&Cs with the general terms and conditions contained in the Agreement and/or the HLB General Terms and Conditions of Accounts, these T&Cs shall prevail.
12. These T&Cs shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Cardholders agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

**Member of PIDM. Fixed Deposit products are protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor.**

If you have any enquiries regarding the terms and conditions, you may seek clarification from our staff who attended to you. Alternatively, please email us at [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) or call 03-76268899.

**TERMA & SYARAT KAD KREDIT YANG DIJAMIN DENGAN DEPOSIT TETAP**

Dikemas kini pada 23 April 2026

Terma & Syarat Kad Kredit Hong Leong yang Dijamin Dengan Deposit Tetap ("**T&S**") ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong Bank (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") ("**Perjanjian**") dan Terma dan Syarat Am Akaun HLB.

1. Kad Kredit yang Dijamin dikeluarkan oleh HLB tertakluk kepada deposit tetap (Fixed Deposit) ("**FD**") yang dicagarkan kepada HLB oleh Pemegang Kad menjadi cagaran/jaminan sebagai ganti penyerahan dokumen pendapatan.
2. Untuk tujuan T&S ini:
  - (a) "**Kad**" bermaksud mana-mana Kad MasterCard dan/atau Kad Visa yang dikeluarkan oleh HLB di bawah kategori Klasik, Emas atau Platinum, kategori lain yang mungkin diperkenalkan atau digantikan oleh HLB dari semasa ke semasa dengan notis awal dan termasuk kad yang dikeluarkan secara gabungan atau penyatuan dengan mana-mana pihak ketiga dan/atau kad yang dikeluarkan di bawah mana-mana produk atau nama atau rujukan terpilih, dan di mana konteks memerlukan, juga merangkumi Kad Tambahan;
  - (b) "**Pemegang Kad**" bermaksud individu yang namanya tertera pada kad dan kepadanya kad dikeluarkan oleh HLB;
  - (c) "**Had Kredit Ditentukan**" bermaksud had kredit yang ditentukan oleh HLB berkenaan dengan pembelian Pemegang Kad dan pembelian Pemegang Kad Tambahan (di mana Kad Tambahan telah dikeluarkan);
  - (d) "**Kad Kredit yang Dijamin**" termasuk mana-mana Kad termasuk Kad Tambahan;
  - (e) "**Kad Tambahan**" bermaksud Kad MasterCard dan/atau Visa tambahan yang dikeluarkan oleh HLB kepada orang yang dinamakan oleh Pemegang Kad Utama; dan
  - (f) "**Pemegang Kad Tambahan**" bermaksud orang yang dinamakan oleh Pemegang Kad sebagai Pemegang Kad Tambahan yang kepadanya Kad Tambahan dikeluarkan oleh HLB.
3. Untuk layak mendapat Kad Kredit yang Dijamin, Pemegang Kad hendaklah meletakkan, mengekalkan dan menjanjikan FD dengan HLB sebagai jaminan berdasarkan had masing-masing yang dinyatakan di bawah:
  - (a) **Pemegang Kad yang merupakan Warganegara Malaysia/Pemastautin Tetap Malaysia:** Jumlah minimum Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) sehingga jumlah maksimum Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) mengikut Had Kredit Ditentukan yang diberikan kepada Pemegang Kad; atau
  - (b) **Pemegang Kad yang merupakan Warga Asing:** Jumlah minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) sehingga jumlah maksimum Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) mengikut Had Kredit Ditentukan yang diberikan kepada Pemegang Kad.
4. Amaun FD yang dijamin hendaklah berdasarkan Had Kredit Ditentukan yang diberikan kepada Pemegang Kad pada nisbah 1:1.

5. FD yang didepositkan untuk Kad Kredit yang Dijamin mestilah atas nama tunggal Pemegang Kad. Sebarang FD yang dipegang secara bersama oleh Pemegang Kad dengan pihak ketiga yang lain atau semata-mata atas nama pihak ketiga adalah tidak boleh diterima sebagai jaminan untuk Kad Kredit yang Dijamin.
6. Untuk mengelakkan keraguan, pelan FD berikut adalah **TIDAK BERKENAAN** untuk Kad Kredit yang Dijamin:
  - (a) Deposit Tetap Flexi;
  - (b) Deposit Tetap Junior;
  - (c) Deposit Tetap diletakkan untuk Program Malaysia My Second Home ("**MM2H**");
  - (d) Mana-mana Deposit Tetap Islamik;
  - (e) Mana-mana Deposit Bawah Umur (Minor)/Amanah (Trust);
  - (f) Deposit Tetap daripada institusi perbankan lain; dan
  - (g) Deposit Tetap/e-Deposit Tetap dicagarkan sebagai jaminan sedia ada untuk kemudahan perbankan yang lain.
7. Pemegang Kad bersetuju bahawa:
  - (a) FD hendaklah dipegang oleh HLB sebagai jaminan untuk pelaksanaan oleh Pemegang Kad mengenai kewajipan Pemegang Kad di bawah T&S ini;
  - (b) jumlah FD hendaklah dikekalkan dalam margin jaminan yang setara dengan Had Kredit Ditetapkan kepada Kad Kredit yang Dijamin dan Pemegang Kad hendaklah menambah jumlah tambahan yang diperlukan oleh HLB untuk jumlah FD sekiranya berlaku kenaikan Had Kredit Ditetapkan kepada Kad Kredit yang Dijamin;
  - (c) Pemegang Kad tidak boleh menarik balik atau menyerahkan atau memindahkan atau mewujudkan amanah berkenaan dengan FD atau sebaliknya mengadakan perjanjian dengan mana-mana orang berhubung dengan FD di mana keseluruhan atau sebahagian mana-mana hak atau kelayakan Pemegang Kad berkenaan dengan FD akan terjejas sepanjang tempoh sah Kad Kredit yang Dijamin;
  - (d) HLB berhak mendapat tolakan dan menggunakan FD sama ada sepenuhnya atau sebahagian untuk mendapatkan kembali jumlah terhutang dan baki kredit yang belum dijelaskan dari Kad Kredit yang Dijamin yang harus dibayar oleh Pemegang Kad kepada HLB dengan memberikan notis tujuh (7) hari kepada Pemegang Kad sebelum Bank melaksanakan hak tersebut;
  - (e) FD yang telah dijanjikan kepada HLB hendaklah terus sah dan mengikat untuk semua tujuan tanpa mengira sebarang kemuffisan, kematian, kegilaan, atau sebaliknya dan ia dinyatakan secara tegas bahawa perubahan akibatnya tidak akan menjejaskan apa-apa liabiliti dan/atau kewajipan Pemegang Kad yang diwujudkan oleh T&S ini dan Perjanjian berkaitan dengan sebarang transaksi sama ada masa lalu, sekarang atau masa depan; dan
  - (f) sebagai tambahan kepada hak tolakan, hak pegangan umum lainnya atau hak serupa yang HLB mungkin berhak di sisi undang-undang, HLB boleh apabila diperlukan dengan memberikan notis tujuh (7) hari kepada Pemegang Kad menggabungkan dan

menyatukan semua atau mana-mana akaun atas nama Pemegang Kad atau yang mana Pemegang Kad berhak mendapat manfaat dan/atau menolak sebarang jumlah nilai kredit yang ada pada mana-mana akaun sedemikian dan termasuk sebarang faedah, dividen, keuntungan atau pembayaran lain yang terakru berkenaan dengan Kad Kredit yang Dijamin, sama ada dalam Ringgit Malaysia (“RM”) atau dalam mata wang lain yang HLB boleh pegang terhadap sebarang liabiliti Pemegang Kad di bawah Perjanjian untuk memenuhi jumlah Kad Kredit yang Dijamin dan wang lain yang perlu dibayar di bawah T&S ini. Sekiranya baki kredit dalam mana-mana akaun sedemikian atau sebarang pembayaran yang dibuat atau wang yang diterima tidak dalam RM atau dalam mata wang lain yang dipersetujui bersama, HLB dengan ini diberi kuasa secara tidak boleh batal untuk menukar yang sama dan untuk tujuan ini, nilai setara RM akan ditentukan oleh HLB pada kadar pertukaran mata wang semerta HLB yang berkuat kuasa pada masa itu dan di mana tidak ada kadar tersebut, pada kadar pertukaran semerta yang berkuat kuasa yang disebut oleh bank perdagangan yang dipilih dan dipersetujui oleh HLB.

8. Pemegang Kad dengan ini menyatakan dan menjamin bahawa Pemegang Kad adalah pemilik dan mendapat manfaat tunggal FD dan bahawa hak Pemegang Kad bebas dari sebarang perjanjian gadai janji atau cagaran atau jaminan dalam apa jua bentuk dan Pemegang Kad secara tidak boleh batal dan tanpa syarat mengakujajji bahawa sepanjang tempoh T&S ini, Pemegang Kad tidak akan mewujudkan, cuba mewujudkan atau membenarkan untuk menanggung sebarang gadai janji, cagaran atau jaminan pada atau di atas FD atau mana-mana bahagiannya.
9. FD yang dijanjikan akan tersedia untuk pengeluaran empat belas (14) hari bekerja selepas Kad Kredit yang Dijamin Pemegang Kad ditamatkan/dibatalkan DAN setelah menyelesaikan keseluruhan baki tertunggak di bawah Kad Kredit yang Dijamin sehingga memuaskan HLB, mana yang kemudian.
10. HLB berhak untuk menambah, mengubah, mengubah suai, menukar atau meminda terma dan syarat yang terkandung di sini, sama ada sebahagian atau keseluruhan atas budi bicara HLB, melalui penyiaran di Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB apabila diperlukan dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad.
11. Sebagai tambahan kepada terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat umum dalam Perjanjian Pemegang Kad dan Terma dan Syarat AM Akaun HLB hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat perbezaan antara T&S ini dengan terma dan syarat umum yang terkandung dalam Perjanjian Pemegang Kad dan/atau Terma dan Syarat AM Akaun HLB, T&S ini akan diguna pakai.
12. T&S ini akan ditadbir dan ditafsirkan sesuai dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad setuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

**Ahli PIDM. Produk Deposit Tetap dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-76268899.